

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENANAMAN POKOK BERSAMA  
KELAB LION**

**DI PERSIMPANGAN JALAN SONG BAN KHENG/JALAN BINJAI,  
TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM**

**18 SEPTEMBER 2016 (AHAD), 9.00 PAGI**

---

**Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong**

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

**Yang Berbahagia Dato' Alvin Lim Teng Hooi**

Pengerusi Kelab Lion Tanjung

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan

Ahli-ahli Kelab Lion

Rakan - rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

.....

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kelab Lion kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam mengadakan program penanaman pokok pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bagi makluman semua, ini adalah antara salah satu projek alam sekitar oleh Kelab Lion Tanjung. Sebanyak 100 pohon pokok akan ditanam di Jalan Song Ban Kheng. Walaubagaimanapun, hanya sebanyak 50 pohon pokok raintree akan ditanam pada hari ini, dan selebihnya akan ditanam pada bulan Oktober, 2016. Saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Jabatan Perhutanan Pulau Pinang kerana menyumbangkan 50 pohon pokok raintree.

Kelab Lion juga merupakan rakan kongsi yang aktif bersama MPSP bagi menjayakan program alam sekitar seperti menaja anugerah kitar semula sekolah tadika dan anugerah komuniti mampan 2015.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Setakat ini, jumlah pokok yang telah ditanam sejak tahun 2008 sehingga 31 Ogos 2016 oleh MPSP ialah 10,658 pohon pokok, pihak pemaju 51,800 pohon pokok dan oleh orang ramai (program kemasyarakatan /CSR) ialah 2,754 pohon pokok. Jumlah keseluruhan pokok ditanam di sekitar kawasan Seberang Perai sejak tahun 2008 sehingga Ogos 2016 ialah 65,212.

Orang ramai perlu mengambil inisiatif untuk menanam lebih banyak pokok bagi mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang melanda negara tahun ini. Penanaman pokok-pokok baharu dapat membantu menyerap karbon dioksida dari udara yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Selain itu, masyarakat juga perlu memelihara pokok dan memastikan supaya pokok tidak diracun atau dikelar batangnya dengan tujuan untuk membunuh pokok.

Walaupun fotosintesis kelihatan seperti proses yang mudah tetapi ia proses yang penting, pokok dan hutan boleh mempengaruhi iklim, seterusnya member kesan kepada cuaca. Perubahan iklim bukan hanya satu isu penting buat kita, tetapi juga untuk generasi masa hadapan yang akan mewarisi bumi indah ini.

Pemanasan global ialah keadaaan alam sekitar yang mengalami peningkatan suhu yang tinggi dengan suhu normal. Hal ini menyebabkan kita terasa panas walaupun pada waktu malam. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh aktiviti yang dilakukan oleh manusia seperti penebangan hutan, aktiviti perindustrian, pembakaran terbuka, pelepasan asap kenderaan, penerokaan hutan untuk aktiviti pembangunan dan lain-lain.

Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Pinang negeri hijau pertama Malaysia , Pulau Pinang adalah negeri pertama yang tidak membenarkan beg plastik percuma di pusat-pusat membeli-belah, melarang penggunaan *polystrene* dan mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi 32 % pada tahun 2015. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 22% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Austria (63%), Germany (62%) dan Singapura sebanyak 59%.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Bermula 1 Jun 2016, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dijalankan. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi kawasan taman perumahan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan; barang kitar semula kering dan sisa domestik. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Aktiviti promosi, penerangan akan terus dibuat dari masa ke semasa secara terus menerus bagi mewujudkan kesedaran dikalangan penduduk Seberang Perai khususnya dan Pulau Pinang umumnya.

Hadirin yang dihormati,

Mungkin ada dikalangan kita yang tertanya-tanya, apakah motif Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini dan apakah sasaran MPSP sendiri dalam perlaksanaan dasar ini.

Bagi sasaran MPSP terdapat 5 perkara yang ingin dicapai seiring dengan Perlaksanaan dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini, iaitu:

1. Meningkatkan kadar kitar semula sehingga 50% menjelang 2020
2. Mengurangkan kos pelupusan sampah
3. Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah
4. Mengurangkan pelepasan gas-gas yang berbahaya hasil daripada penguraian sampah

## 5. Menggunakan semula barang sedia sebagai sumber baru.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta.

Majlis Perbandaran Seberang Perai bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi di negara ini. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian mengasingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula dan sisa yang tidak boleh dikitar semula.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Membentuk diri menjadi agent of change, bukanlah perkara sukar, kerana ia berbalik kepada diri kita sendiri. Kita juga harus menjadi contoh kepada generasi muda agar apa yang kita lakukan hari ini akan berkesinambungan pada masa hadapan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.